

Saranan untuk memastikan sistem undi pos luar negara berfungsi secara berkesan

Oleh Global Bersih (Mac 2023)

Kandungan

- Latar belakang
- Cadangan
- Cadangan untuk masa hadapan- Dokumen pengundian dicetak oleh pengundi pos luar negara dan dihantar ke Pegawai Pengurus.(Undi PDF)

Latar belakang

Sejak bertahun-tahun Global Bersih (GB) telah berusaha dengan gigihnya untuk menegakkan hak pengundi di luar negara. Pada tahun 2019, GB telah menyarankan pembaharuan-pembaharuan yang diperlukan untuk melaksanakan sistem pengundian dari luar negara secara berkesan . Beberapa saranan ini yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menyebabkan peningkatan ketara dalam bilangan pengundi luar negara dan pada masa yang sama, telah meningkatkan kecekapan sistem yang sedia ada.

Cadangan yang telah dilaksanakan ialah:

- Pelaksanaan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR)
- Penurunan umur pengundi kepada 18 (Undi 18)
- Pengenalan pendaftaran dalam talian untuk pengundi luar negara di platform Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
- Kemasukan rakyat Malaysia yang tinggal di Singapura, Thailand Selatan, Brunei, dan Kalimantan dalam sistem undi pos luar negara.
- Pemansuhan syarat untuk warga Malaysia di luar negara berada di Malaysia selama 30 hari dalam tempoh lima tahun terakhir sebelum tarikh pendaftaran.

Pelaksanaan Undi18 dan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR) sahaja telah menyebabkan pertambahan sebanyak 42% dalam jumlah pengundi, daripada 14.9 juta pada PRU14 kepada 21.1 juta dalam daftar pemilih untuk PRU15 di Malaysia. Ramai daripada pengundi "baru" ini akan juga mengundi sebagai pengundi luar negara.

Berkat reformasi di atas dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi peningkatan ini, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah rakyat Malaysia di luar negara yang berhak mengundi akan terus meningkat. Terdapat 7979 pemilih pos luar negara berdaftar untuk PRU14, dan untuk PRU15, jumlah itu melonjak kepada 48,109 yang menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 603%.

Menurut Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, populasi diaspora Malaysia sudah berjumlah 1,860,037 pada 2020.

PRU15 baru-baru ini telah membuktikan bahawa walaupun selepas pelaksanaan cadangan-cadangan di atas, masih terdapat keperluan untuk menambah baik sistem sedia ada. Kita perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul terutamanya masalah tempoh kempen yang singkat yang

menyebabkan pengundi luar negara tidak sempat menghantar kertas undi mereka dalam masa yang diperuntukkan.

Di bawah ialah perubahan penting yang diperlukan untuk memastikan proses pengundian pos luar negara yang berkesan untuk pilihan raya akan datang. Cadangan ini adalah berdasarkan

- Cadangan Pembaharuan Pengundian Luar Negara (Global Bersih, 2019).
- Perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti pengundi luar negara, Suruhanjaya Pilihan Raya, parti politik, pihak Wisma Putra, dan NGO-NGO lain.
- Pemerhatian dan pengumpulan data dari PRU14 dan PRU15

Global Bersih juga telah membentangkan secara terperinci cadangan jangka panjang yang telah kami syorkan dalam dokumen Pembaharuan Pengundian Luar Negara kami.

Cadangan

1. Rakyat Malaysia di luar negara perlu dibenarkan untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara enam bulan sebelum tarikh pilihan raya, untuk mengurangkan tekanan ke atas SPR dan pemohon.

GB mengesyorkan supaya pengundi pos luar negara dibenarkan untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara lebih awal daripada tempoh yang diberikan dalam pilihan raya sebelumnya. Menurut Bersih, dalam proses semasa, SPR boleh mengendalikan sehingga hanya 10,000 permohonan undi pos tanpa menghadapi masalah tertunggak dan kelewatan yang teruk.

Oleh itu, adalah logik untuk memanjangkan tempoh pendaftaran untuk pengundi luar negara di platform dalam talian SPR. Tempoh pendaftaran perlu dibuka enam bulan sebelum tarikh pilihan raya yang diunjurkan. SPR harus menjalankan kempen secara berterusan dan tepat pada masanya, terutamanya sebelum setiap pilihan raya, untuk menggalakkan dan mengingatkan ahli diaspora supaya mendaftar sebagai pengundi luar negara.

Cadangan ini juga dapat dijalankan dengan lebih berkesan sekiranya hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara tertera dalam undang-undang dan bukannya diwartakan bagi setiap pilihan raya.

Global Bersih juga menyokong penggal parlimen tetap untuk memastikan tarikh pilihanraya dapat dijangka dengan awal. Ini akan memberi peluang untuk semua pihak terlibat membuat persediaan yang diperlukan.

Tempoh pendaftaran dalam talian yang lebih panjang akan mengurangkan tekanan ke atas kedua-dua pihak SPR dan pengundi dengan ketara serta mengelakkan penunggakan dan kelewatan dalam proses.

2. Berikan masa yang cukup untuk kertas undi luar negara dikembalikan ke pusat mengundi sebelum hari pengundian dengan menetapkan tempoh kempen minimum 21-25 hari

Dalam proses terkini, undi pos perlu dihantar kepada pengundi luar negara dan dikembalikan oleh mereka ke pusat mengundi dalam tempoh kempen, yang bermula dari tarikh penamaan calon sehingga hari pengundian. Tempoh kempen yang ditetapkan oleh SPR dalam pilihan raya baru-baru ini adalah seperti berikut:

PILIHANRAYA	TEMPOH (Hari)
PRU14	11
Pilihanraya Negeri Sarawak	11
Pilihanraya Negeri Melaka	13
Pilihanraya Negeri Johor	14
PRU15	14

Walaupun mematuhi tempoh minimum berkanun iaitu sebelas hari, tempoh kempen minimum ini perlu dilanjutkan untuk perjalanan pengundian pos di luar negara yang tidak membebankan pengundi undi luar negara yang terpaksa menghantar kertas undi mereka melalui perkhidmatan kurier yang mahal atau terpaksa pulang untuk mengundi.

Tempoh kempen ini juga tidak mengambil kira kesan dari pandemik Covid-19 terhadap sistem pos global . Kos penghantaran secara pos telah meningkat dan juga terdapat kelewatan yang ketara dalam penghantaran pos antarabangsa.

Kami mengesyorkan untuk melanjutkan tempoh kempen kepada sekurang-kurangnya 21- 25 hari untuk memastikan pengundian pos luar negara boleh dijalankan dengan berkesan. Pada masa ini, keperluan minimum 11 hari untuk hari berkempen di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 tidak menggambarkan realiti garis masa pengundian pos di luar negara, yang mustahil untuk dijalankan dalam tempoh minimum 11 hari. .

PRU 15 sekali lagi menyaksikan rakyat Malaysia di luar negara bergelut untuk menghantar semula kertas undi mereka dengan menggunakan kaedah yang mahal dan tidak selamat di bawah tekanan masa kerana tempoh kempen yang singkat. Walaupun usaha dan pengundi pos luar negara ini amat dikagumi, beban dan tanggungjawab ini tidak patut dipikul oleh pengundi pos luar negara sahaja.

Tempoh proses penghantaran and penerimaan undi pos yang munasabah boleh dijangkakan dengan pertolongan Kedutaan Malaysia (MFM). Sebagai contoh, kajian awal boleh dijalankan di mana SPR menghantar sampel dokumen undi kepada semua MFM di seluruh dunia, yang akan ditandatangani dan dicop, dan kemudian dihantar semula kepada SPR menggunakan Pos Malaysia dan perkhidmatan pos negara tuan rumah masing-masing (mengikut keperluan) . Latihan ini boleh memberi gambaran kasar kepada SPR tentang garis masa yang diperlukan untuk sistem pengundian luar negara yang berfungsi dan menganggarkan proses yang berpatutan, terutamanya untuk pengundi pos luar negara yang akan menanggung kos pemulangan kertas undi.

Sekali lagi penggal parlimen tetap akan memastikan tarikh pilihanraya lebih mudah dijangka dan membolehkan semua pihak berkepentingan yang berkaitan bersedia untuk tempoh kempen yang mencukupi.

Tempoh kempen minimum yang lebih panjang juga perlu dilaksanakan serasi dengan perubahan lain seperti belanjawan tempoh berkempen.

3. Pengesahan identiti pengundi untuk Borang 2 perlu dibuka untuk bukan warganegara Malaysia dan bukannya warganegara Malaysia sahaja.

Keperluan supaya Borang 2 ditandatangani dan disaksikan oleh hanya rakyat Malaysia telah terbukti menjadi batu penghalang bagi rakyat Malaysia di luar negara. Ini terbukti sekali lagi semasa PRU 15; Global Bersih terpaksa menjalankan kempen Facebook untuk membolehkan rakyat Malaysia mencari saksi kerana timbul keadaan di mana ada rakyat Malaysia yang tidak sempat mengundi kerana tiada rakyat Malaysia berhampiran. Oleh itu saksi Borang 2 hendaklah dibuka kepada sesiapa yang berumur lebih daripada 18 tahun dengan dokumen pengenalan yang sah. Perubahan ini akan memudahkan lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian.

4. Proses penghantaran undi ke luar negara yang piawai daripada Pusat Pengeluaran Undi Pos kepada rakyat Malaysia di luar negara

SPR perlu menetapkan SOP yang telus dan piawai untuk cara penghantaran kertas undi kepada rakyat Malaysia di luar negara. Semasa PRU15, sebilangan rakyat Malaysia di luar negara menerima nombor penjejakan untuk dokumen undi mereka yang telah membolehkan mereka membuat persediaan terlebih dahulu mengenai cara penghantaran balik kertas undi mereka .

Sesetengah rakyat Malaysia berjaya menggunakan pengetahuan teknologi mereka untuk mendapatkan nombor penjejakan mereka; Sementara itu, ramai yang ditinggalkan dalam kegelapan kerana mereka tidak menerima sebarang nombor penjejakan.

Konsep nombor penjejakan adalah satu faktor penting dalam sistem undi pos luar negara yang berkesan. Ia membolehkan rakyat Malaysia di luar negara membuat persediaan terlebih dahulu (terutama dengan tempoh yang singkat untuk

memulangkan kertas undi), dan ia juga menjadikan sistem ini lebih telus, justeru mendapat lebih banyak kepercayaan daripada rakyat Malaysia di luar negara.

Global Bersih mencadangkan agar SPR mengenal pasti secara khusus kaedah untuk menghantar undi ke luar negara dan memastikan terdapat nombor penjejakan. Menggunakan latihan yang dinyatakan dalam syor no 2 di atas, EC boleh mengenal pasti kaedah yang terbaik untuk proses ini. Kaedah tersebut perlu diuji beberapa kali dan harus dimasukkan dalam 'buku kerja' untuk 'pegawai pengeluaran undi pos.'

5. Pendidikan dan mobilisasi Pengundi Luar Negara

Salah satu peranan Suruhanjaya Pilihan Raya ialah melaksanakan pendidikan pengundi untuk semua. Mobilisasi pengundi perlu diserapkan sebagai salah satu elemen dalam persiapan pilihan raya.

Bermula dengan perancangan bajet, SPR perlu memastikan Akademi Pilihanraya mempunyai sumber yang mencukupi untuk melaksanakan mobilisasi pengundi yang berkesan. Dalam proses komunikasi dengan agensi berkaitan, SPR perlu memasukkan Wisma Putra, Mara dan JPA dalam proses ini supaya maklumat yang tepat dan kemas kini boleh diedarkan kepada agensi-agensi yang berkaitan dengan rakyat Malaysia di luar negara.

SPR (Akademi Pilihanraya) perlu menjalankan kempen pendidikan pengundi yang tertumpu kepada pengundi luar negara. Satu bahagian khas perlu diwujudkan di laman web SPR untuk pengundian pos luar negara. Walaupun rakyat Malaysia di luar negara masih memahami dan bertutur dalam bahasa kebangsaan, mereka tidak begitu mahir dengan perkembangan pesat bahasa itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana tidak berpeluang menggunakan bahasa tersebut secara meluas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk semua maklumat disebar dalam BM dan Inggeris untuk memastikan pemesejan yang berkesan. Bagi memastikan bahagian pengundian luar negara di laman web memenuhi tujuannya, maklumat di bawah mesti dikemas kini dalam BM dan Inggeris:

- Maklumat pendaftaran automatik untuk memaklumkan rakyat Malaysia di luar negara bahawa mereka tidak perlu pergi ke kedutaan untuk mendaftar sebagai pengundi kali pertama dan cara menyemak status pengundian mereka.
- Peringatan UNDI 18 untuk memaklumkan rakyat Malaysia di luar negara bahawa sesiapa yang berumur 18 tahun ke atas akan didaftarkan secara automatik.
- Membuka akaun pengguna di platform MySPR. Informasi ini sepatutnya disebar secara berterusan kerana, dengan ini, rakyat Malaysia di luar negara boleh mendaftar sebagai pengundi pos luar negara nanti. Bahagian ini harus mengandungi panduan langkah demi langkah untuk membuka akaun pengguna.
- Soalan lazim untuk pengundi pos luar negara; berdasarkan situasi semasa seperti pilihan raya negeri atau pilihan raya umum. Global Bersih telah

menghasilkan soalan lazim dalam BM dan Inggeris untuk PRU15 dan telah digunakan secara meluas oleh rakyat Malaysia di luar negara.

- Cara mendaftar sebagai pengundi pos luar negara - Notis perlu disertakan untuk mengingatkan rakyat Malaysia di luar negara supaya membuka akaun pengguna untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara. Sebaik sahaja pendaftaran untuk pengundian pos luar negara dibuka, bahagian ini akan mempunyai panduan langkah demi langkah untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara.
- Cara mengundi dari luar negara- Kaedah pengundian untuk lima pilihan raya yang lalu (umum dan negeri) telah mengalami pelbagai perubahan. Halaman ini harus mempunyai panduan langkah demi langkah tentang mengundi dari luar negara dan dikemas kini untuk mencerminkan sebarang perubahan.

SPR harus menyampaikan semua perkara ini kepada jabatan berkaitan untuk menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini di diaspora. Contohnya seperti Wisma Putra (orang awam), Kementerian Belia dan Sukan (untuk jangkauan belia Malaysia ke luar negara), MARA, dan Jabatan Perkhidmatan Negara (untuk pelajar tajaan) dan sebagainya.

6. Menegakkan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara dalam undang-undang (Peraturan Pilihanraya) dan bukannya diwartakan sebagai pengundi pos bagi setiap pilihan raya.

Rakyat Malaysia di luar negara kini menghadapi ketidakpastian sama ada mereka boleh mengundi dari negara tempat tinggal mereka kerana mereka tidak dimasukkan dalam undang-undang sebagai pengundi pos luar negara.

Hak rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi melalui pos dalam mana-mana pilihan raya bergantung kepada sama ada SPR menggunakan budi bicaranya untuk mewartakan mereka sebagai pengundi pos.

Semasa PRU14, rakyat Malaysia di luar negara diwartakan untuk kali pertama sebagai pengundi pos dan berhak mengundi melalui pos. Notis perundangan yang membolehkan proses ini adalah ialah PU(B) 35/2017, yang melampirkan Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003. Penggunaan 'ad hoc' kuasa budi bicara SPR untuk memutuskan hak kelayakan rakyat Malaysia di luar negara untuk mengundi secara pos bagi setiap pilihan raya, dan kekurangan komunikasi yang telus mengenai status pengundian telah mengakibatkan kekeliruan yang ketara di kalangan rakyat Malaysia di luar negara.

Untuk mencapai matlamat ini, peruntukan yang melayakkan rakyat Malaysia yang tinggal di luar Malaysia harus termaktub dalam Peraturan Pilihan Raya dan bukannya diserahkan kepada budi bicara SPR, seperti yang berlaku pada masa ini.

Ini akan mewujudkan kesinambungan dan membolehkan rakyat Malaysia di luar negara memahami dan mempercayai sistem tersebut.

Cadangan untuk masa hadapan

Sistem Pengundian Pos Luar Negara Hibrid (campuran)

Semua perubahan di atas adalah penting untuk memastikan sistem pos luar negara sedia ada dapat berfungsi. Pemerhatian kami semasa pilihan raya negeri dan umum sebelum ini menunjukkan tempoh berkempen kekal dalam tempoh 15 hari. Kami faham bahawa tempoh kempen yang panjang boleh membebankan banyak pihak berkepentingan, termasuk SPR, parti politik dan pengundi. Walaubagaimanapun, sistem pengundian pos di luar negara semasa mempunyai peluang untuk berfungsi dengan cekap hanya dengan tempoh kempen 21-25 hari.

Adalah tidak adil untuk rakyat Malaysia di luar negara dibebankan dengan kos yang begitu tinggi dalam proses pengundian luar negara. Pengundi luar negara juga terpaksa meluangkan masa yang banyak dan mengeluarkan perbelanjaan yang amat tinggi untuk memastikan kertas undi mereka sampai kepada pegawai pengurus dalam jangka masa yang ditetapkan.

Melangkah ke hadapan, kita perlu memendekkan garis masa undi iaitu tempoh dari masa kertas undi dicetak, dihantar ke pengundi luar negara dan dikembalikan kepada pegawai pengurus pilihan raya. Ini boleh dicapai dengan memperkenalkan lebih banyak elemen elektronik dalam proses pengundian pos di luar negara.

Pelaksanaan pendaftaran dalam talian untuk pengundi pos luar negara telah menyebabkan peningkatan pengundi yang besar. Terdapat 7979 pemilih pos luar negara berdaftar untuk PRU14, dan untuk PRU15, jumlahnya melonjak kepada 48,109 yang menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 603%.

Memandangkan pelaksanaan pendaftaran dalam talian dilakukan dengan berkesan oleh SPR dan peningkatan mendadak pengundi pos luar negara yang berdaftar, mungkin sudah tiba masanya kita memperkenalkan lebih banyak elemen elektronik/dalam talian dalam proses penghantaran kertas undi. Sistem pos luar negara hibrid yang melibatkan gabungan elemen dalam talian dan luar talian adalah salah satu cara yang sesuai untuk bergerak ke hadapan.

Global Bersih percaya bahawa salah satu langkah seterusnya ialah SPR memperkenalkan dokumen pengundian pdf yang boleh dicetak. Ini berbeza daripada pengundian dalam talian kerana di sini pengundian masih akan dilakukan secara pos dan bukan dalam talian. Idea utama adalah untuk memperkenalkan elemen elektronik untuk memendekkan garis masa perjalanan undi pos luar negara, tetapi kertas undi tetap akan dikembalikan kepada pegawai pengurus. Idea asasnya ialah pengundi pos luar negara akan menerima dokumen pengundian digital mereka menggunakan akaun pengguna SPR mereka dalam bentuk dokumen PDF untuk dicetak oleh pengundi luar negara, ditanda, dan dihantar semula kepada pegawai pengurus pilihan raya.

Dokumen undian yang akan dihantar ke akaun pengguna untuk dicetak ialah Borang 2, kertas undi, dan slip sampul surat untuk ditampal pada sampul surat.

Semasa proses pendaftaran, pengundi luar negara akan menerima kod rawak (PIN rahsia) yang akan digunakan untuk mengakses dokumen pengundian yang boleh dicetak nanti. Kod yang dijana secara rawak ini perlu dirahsiakan oleh pengundi pos luar negara kerana ia akan digunakan bersama nombor Mykad, kata laluan akaun pengguna SPR untuk mengakses dokumen undian yang boleh dicetak.

Pasukan petugas undi pos harus dipilih sebelum pilihan raya oleh SPR dan pasukan petugas ini akan bertanggungjawab untuk mencipta dokumen pengundian digital. Dokumen yang perlu dicipta secara digital adalah

Borang 2 - Negeri dan Parlimen
Kertas Undi - Negeri dan Parlimen

sama ada

Pelekat Sampul A - Negeri dan Parlimen

Pelekat sampul B

Ataupun

Sampul surat boleh dicetak dan boleh dilipat A

Sampul surat boleh dicetak dan boleh dilipat B

Borang 2 dan kertas undi yang semasa tidak perlu diubah kerana ia hanyalah versi digital daripada versi sedia ada. Terdapat 2 pilihan untuk sampul surat: pilihan pertama ialah membuat pelekat sampul surat yang boleh ditampal pada sampul surat bersaiz standard dan pilihan 2 ialah membuat sampul surat lipat yang boleh dicetak dan dilipat.

Selepas dokumen pengundian digital ini dicipta, wakil daripada parti politik dan PACA perlu hadir untuk memantau proses penghantaran undi secara digital. Langkah keselamatan yang tinggi perlu wujud untuk memastikan kepercayaan pengundi dan kaedah ini tidak disalahgunakan.

Selepas hari penamaan calon, pasukan petugas akan mencipta versi PDF bagi dokumen pengundian untuk dihantar kepada pengundi luar negara. Adalah optimum bagi pihak ibu pejabat SPR untuk bertanggungjawab dalam proses ini kerana ia akan lebih tersusun dan teratur. Kami faham, pada mulanya proses ini akan membebankan ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi dalam jangka panjang, ia akan menjimatkan kos dan juga mengurangkan beban kerja kerana elemen elektronik akan menggantikan kerja manual mencetak kertas undi, menyediakan dan menghantarnya. Jika ada keperluan, SPR boleh melibatkan pegawai SPR negeri dalam proses ini bagi meringankan beban tugas mereka. Ini juga akan memastikan pegawai SPR peringkat negeri juga berpengetahuan dan mahir dengan sistem tersebut.

Latihan mengeluarkan dan menghantar undi ini perlu mengambil masa maksimum dua hari. Ini bermakna pengundi pos luar negara boleh mengakses dokumen pengundian mereka seawal 24 jam selepas hari penamaan calon, memberikan mereka lebih masa untuk mencetak, menanda dan memulangkan kertas undi.

Garis masa undi akan dipendekkan dengan ketara. Pada masa yang sama, ini juga akan memberi masa yang cukup kepada pengundi Malaysia di luar negara untuk menggunakan pilihan pos yang lebih murah/selamat dan bukannya menggunakan pilihan pos yang paling cepat (biasanya lebih mahal) untuk menghantar semula kertas undi mereka kepada pegawai pengurus pilihan raya. Ini akan meringankan beban pengundi Malaysia di luar negara yang terpaksa menanggung kos penghantaran balik kertas undi sendiri.

Pengundi pos luar negara akan menerima dokumen pengundian digital mereka dalam akaun pengguna SPR mereka. Dokumen pengundian boleh diakses terus dalam akaun pengguna SPR menggunakan pengesahan 2-Faktor atau 3-Faktor. Nombor Mykad, kata laluan akaun pengguna SPR, dan PIN rahsia secara rawak yang telah diberikan kepada pengundi pos luar negara semasa pendaftaran, diperlukan dalam proses pencetakan kertas undi digital ini.

Arahan yang jelas tentang cara mencetak dokumen pengundian perlu disebarakan sebelum pilihanraya . Sebagai contoh:

- Semua dokumen perlu dicetak satu sisi pada kertas A4 putih
- Percetakan warna atau hitam&putih dibenarkan
- Pelekat sampul surat perlu dipotong dan ditampal pada sampul surat bersaiz standard atau dicetak dan dilipat mengikut garis putus-putus.

Pengundi pos luar negara tidak boleh melengkapkan dokumen pengundian digital secara elektronik. Sebaliknya, mereka mesti mencetak kertas undi sebelum melengkapkannya, jadi tidak ada kemungkinan pilihan pengundi tersebut disimpan dalam talian. Ini akan membolehkan kerahsiaan pengundi. Selain itu, tiada kemungkinan untuk memuat turun dokumen pengundian, jadi tidak ada peluang untuk mencetak lebih dari sekali. Pengundi pos luar negara boleh membuka dokumen mengundi dan mencetaknya sekali. Akses percetakan akan disekat secara automatik setelah pengundi telah mencetak dokumen pengundian sekali. Setelah semua dokumen pengundian dicetak, pengundi luar negara perlu mengisi Borang 2 dan menanda undi seperti yang mereka lakukan dalam sistem semasa.

Untuk sampul dalam pilihan 1, pengundi pos luar negara perlu menggunakan saiz piawai untuk sampul A dan sampul B (lebih besar daripada sampul A). Pelekat yang dicetak hendaklah dipotong dan ditampal pada sampul surat dengan sewajarnya dan kemudian dihantar kepada pegawai pengurus. Dalam pilihan kedua, sampul surat yang didigitalkan adalah sama dengan sampul surat semasa dengan semua tanda dan alamat pada sampul surat. Pengundi luar negara perlu mencetaknya dan melipatnya untuk dijadikan sampul surat. SOP piawai tentang cara mencetak dokumen perlu dikongsi secara meluas dengan semua pihak berkepentingan lebih awal supaya semua orang boleh bersedia.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pengundi pos luar negara boleh membuka dokumen pengundian dan mencetaknya sekali sahaja. Sekiranya berlaku sebarang kesulitan yang tidak dijangka dan pengundi luar negara tidak dapat mencetak dokumen pada percubaan pertama, pengundi perlu menghantar e-mel/

menghubungi UPUP (Unit Pengurusan Undi Pos) untuk mendapatkan akses semula kertas undi untuk membolehkan pencetakan semula. Ini boleh dilakukan dengan menyerahkan semua maklumat yang diperlukan untuk mencipta semula kod kes baharu. SPR akan menyemak untuk memastikan dokumen pengundian belum dicetak dan akan diberikan kod baharu secara rawak untuk membolehkan pencetakan semula.

Pengundi pos luar negara akan menghantar sampul surat dengan dokumen pengundian kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya sebelum jam 5 petang pada hari pengundian.

Kami faham bahawa pengenalan elemen elektronik dalam sistem undi pos semasa ada masalahnya. Inilah sebabnya elemen elektronik ini hanya boleh dilaksanakan selepas program perintis yang meluas, diikuti dengan pendidikan pengundi yang meluas untuk semua pihak berkepentingan yang berkaitan.

Berikut adalah beberapa contoh perkara yang perlu diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan kaedah hibrid ini.

a) Pemindaan Undang-Undang

SPR perlu mengkaji dan membuat pindaan kepada undang-undang sedia ada untuk menjalankan kaedah ini. Global Bersih telah menyenaraikan beberapa pindaan utama yang perlu dibuat sebagai contoh dalam (Lampiran 1)

b) Belanjawan

Perbelanjaan sistem undi pos luar negara hibrid perlu dimasukkan dalam belanjawan utama SPR kerana ia adalah pelaburan jangka panjang dan mungkin melibatkan kos yang tinggi pada mulanya. Dalam jangka panjang ia akan menjadi lebih murah berbanding sistem sedia ada dan yang lebih penting, pelaburan ini akan dapat mengatasi halangan tempoh kempen yang singkat. Dalam merangka bajet untuk kaedah hibrid, adalah penting untuk memasukkan bukan sahaja perkakasan dan perisian, tetapi juga komunikasi, penilaian, penyelidikan, pengauditan, latihan dan yang paling penting, pendidikan pengundi.

C) Badan pengurusan dokumen pengundian berdigital.

SPR perlu melantik satu badan pengurusan untuk mengenal pasti cara terbaik untuk melaksanakan pelaksanaan dokumen undian yang boleh dicetak. Badan pengurusan ini adalah sekumpulan pakar yang diketuai oleh SPR. Contoh pasukan petugas adalah seperti di bawah:

i)Pakar keselamatan termasuk wakil Jabatan Polis Jenayah Siber, Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Pusat Penyelidikan Cybersecurity Malaysia

ii)Pakar teknikal yang bertanggungjawab untuk menjalankan eksperimen dan pelaksanaan sistem termasuk Jabatan Informasi /Teknologi EC, Pasukan Respons

Komputer CERT-Malaysia, Persatuan Blockchain Malaysia, Jabatan IT Polis, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan MIMOS.

iii) Pakar untuk melatih kakitangan pilihan raya dan masyarakat sivil

iv) Pakar undang-undang dan penggubal dasar

v) Pakar 'Hackerton' untuk mengesan dan membetulkan kelemahan dalam sistem.

vi) Panel rakyat untuk memberi nasihat dan maklum balas, yang terdiri daripada ahli parti politik, ahli akademik, wakil pihak berkuasa tempatan, wilayah dan negara, dan wakil pertubuhan masyarakat sivil

vii) Pakar teknikal antarabangsa supaya kita boleh mempelajari dari pengalaman penggunaan sistem ini dari seluruh dunia.

viii) Pasukan petugas komunikasi, yang diketuai oleh Akademi Pilihanraya, untuk mendidik semua pihak berkepentingan tentang proses tersebut. Pasukan petugas itu hendaklah termasuk wakil daripada Kementerian Komunikasi dan Digital, dan MFM(Wisma Putra)

SPR perlu menjadi agensi utama dalam pembangunan sistem hibrid ini, untuk memastikan sistem ini berfungsi tanpa pengaruh pihak luar.

Kelebihan sistem hibrid.

- Kelebihan paling ketara kaedah ini ialah masa yang diambil untuk kertas undi sampai kepada pengundi pos luar negara dan dikembalikan kepada pegawai pengurus adalah minimum. Dokumen pengundian boleh sampai kepada pengundi dalam masa 24 jam selepas hari penamaan calon.
- Kos untuk pengundi luar negara menghantar balik undi akan dikurangkan kerana pengundi Malaysia di luar negara akan dapat menggunakan pilihan pos yang lebih murah untuk memulangkan kertas undi mereka kerana mereka akan menerima kertas undi mereka lebih awal.
- Sistem penghantaran kertas undi secara elektronik kepada pengundi pos luar negara, akan mengurangkan kosnya dengan ketara dalam jangka masa panjang.
- Kaedah ini akan memberi hak mengundi kepada rakyat Malaysia yang tidak mempunyai alamat tetap di luar negara, seperti pekerja di atas kapal, kerana ia membolehkan penerima dokumen undi mengundi tidak kira di mana mereka berada,
- SPR akan menghadapi tekanan yang kurang, dan elemen elektronik akan meminimumkan kesilapan manusia.

Kekurangan sistem hibrid

- Sistem ini memerlukan pengundi pos luar negara untuk mendapat pengetahuan teknikal asas dan peralatan untuk mencetak salinan kertas undi. Ini mungkin menyusahkan orang yang lebih tua atau kurang berkemampuan dari segi teknikal.

Idea untuk mengatasi kelemahan ini:

Seminar atau pembentangan dalam talian dari masa ke semasa mengenai proses penghantaran, penerimaan dan pencetakan dokumen undi pos. SPR(Akademi Pilihanraya) boleh bekerjasama dengan Global Bersih dalam menyebarkan maklumat tersebut.MFM juga boleh menyediakan perkhidmatan bimbingan dan percetakan bagi mereka yang memerlukan bantuan untuk mencetak dokumen pengundian mereka.

- Sistem ini memerlukan perubahan minda yang ketara di kalangan pihak berkepentingan.

Idea untuk mengatasi kelemahan ini:

Perundingan dengan semua pihak berkepentingan utama dalam proses perancangan untuk memastikan mereka memahami dan menyokong kaedah ini. Pendidikan pengundi dan penyebaran maklumat mengenai proses dan nilai tambah kaedah ini. Tumpuan tambahan harus diberikan untuk mendidik pengundi mengenai bahagian keselamatan sistem ini untuk memenangi kepercayaan mereka.

- Sistem ini memerlukan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003. (Lihat lampiran)untuk cadangan pindaan kami.

Untuk mendapatkan idea amalan terbaik dan mengatasi kelemahan sistem ini, Global Bersih telah berhubung dengan pakar daripada Adobe, perintis dokumen PDF, dan mereka sangat berminat untuk bekerjasama dengan SPR untuk meneroka kemungkinan menjalankan pos luar negara hibrid dalam sistem pengundian untuk Malaysia.

Penutup

Semua cadangan di atas adalah penting untuk memastikan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara dipertahankan. Kami telah membuktikan motivasi dan semangat kami semasa dua PRU yang lalu, dan kini sudah tiba masanya suara kami didengari, dan tindakan diambil untuk memberi kami hak dalam pelaksanaan demokrasi Malaysia.

Laporan Pemerhatian PRU15 oleh Bersih baru-baru ini (dikeluarkan pada 10 Mac 2023) juga menggambarkan bahawa semua cadangan yang telah dikemukakan oleh Global Bersih sejak beberapa tahun kebelakangan ini perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin untuk memastikan sistem undi pos luar negara yang lebih berkesan.

Mobilisasi diaspora dan memastikan rakyat Malaysia di luar negara boleh mengundi adalah selaras dengan idea masyarakat inklusif dan menghormati semua lapisan masyarakat, yang merupakan nilai teras Madani - Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Nilai teras ini boleh diperkukuh dengan melibatkan lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara dan menggalakkan mereka menyumbang kepada pembangunan. Memastikan bahawa hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara terpelihara adalah langkah positif ke arah ini.

Global Bersih bersedia untuk komunikasi lanjut mengenai perkara ini, dan kami bersedia bekerjasama untuk memastikan diaspora kita bergerak ke arah yang betul.

Global Bersih ialah sebuah NGO yang ditubuhkan di bawah Kod Sivil Switzerland. Ia bertujuan untuk menyokong usaha masyarakat sivil Malaysia untuk mengukuhkan demokrasi Malaysia yang semakin matang

Kami berhasrat untuk mencapai:

- Pelaksanaan penuh dan berkesan hak Malaysia untuk pilihan raya yang bebas dan adil
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang bebas dan berkesan, terutamanya dalam memantau percanggahan pilihan raya.
- Kemajuan hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang dan demokrasi di Malaysia.

Apa yang kita lakukan

- Kami menyediakan platform global untuk suara rakyat Malaysia biasa dan masyarakat sivil untuk mendekati masyarakat antarabangsa, khususnya badan hak asasi manusia, misi diplomatik, media asing dan masyarakat sivil.
- Kami menggalakkan pertukaran idea mengenai Malaysia, di Malaysia dan luar negara untuk memberi tumpuan kepada usaha yang berkaitan dengan reformasi pilihan raya.
- Kami menggalakkan sokongan dan meningkatkan komitmen daripada rakyat Malaysia di seluruh dunia ke arah mewujudkan momentum antarabangsa yang lebih kukuh untuk pilihan raya dan demokrasi di Malaysia.
- Mobilisasi diaspora

Untuk maklumat lanjut

Global Bersih

15 Cours des Bastions

CH-1205

Geneva, Switzerland

www.globalbersih.org

facebook.com/GlobalBersih

twitter.com/GlobalBersih

tiktok.com/@globalbersih

instagram.com/global_bersih